

062 NYANYIAN DAN MUZIK MENGIKUT PANDANGAN HUKUM OLEH TUAN GURU HJ.ABDUL RAHMAN PONDOK SUNGAI DURIAN KUALA KRAI KELANTAN.

Zainuddin Che Seman, Abdul Azis Awang Kechik, Zaidul Amin Suffian Ahmad

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

ABSTRAK

Nyanyian Dan Muzik Mengikut Pandangan Hukum Oleh Tuan Guru Hj.Abdul Rahman Pondok Sungai Durian Kuala Krai Kelantan.

Tajuk ini adalah sebahagian daripada pandangan-pandangan **Tuan Guru Hj Abdul Rahman (1923-1988)** seorang tokoh ulama' Kelantan era pasca merdeka dan merupakan pengasas Pondok Sungai Durian. di antara sumbangan yang telah diberikan oleh Tuan Guru Haji Abdul Rahman kepada perkembangan Islam dalam bidang pendidikan Islam dan pentafsiran Hukum Islam yang sedikit kontroversi yang mempengaruhi kehidupan masyarakat setempat.

Hasil dari penelitian ini, penulis mendapati bahawa Tuan Guru adalah seorang tokoh ulama' Kelantan yang banyak memberi sumbangan kepada perkembangan Islam di negeri ini. Sumbangannya meliputi pendidikan Islam, penulisan dan dakwah Islamiah. Hasil dari perjuangannya itu beliau berjaya melahirkan angkatan Ulama' dalam era 70-an hingga 90-an yang mana murid-muridnya hingga kini menabur jasa kepada umat Islam di tanah air. Semoga segala pengorbanan beliau akan dihitung oleh Allah s.w.t sebagai amalan soleh dan tetap kekal diingati oleh generasi akan datang.

keywords: Nyanyian, Muzik , pentafsiran hukum, Pandangan hukum.

PENDAHULUAN

Agama Islam merupakan agama fitrah bagi manusia. Oleh sebab itulah setiap ajaran yang telah disyariatkan kepada umatnya sudah semestinya bertepatan dan selari dengan fitrah semula jadi mereka. Jika diperhatikan, setiap manusia biasanya akan cenderung kepada hiburan, khususnya terhadap seni muzik. Muzik adalah suatu tuntutan fitrah manusia. Akan tetapi, untuk memenuhi kehendak naluri manusia ini, tidak semua jenis seni muzik dibenarkan oleh Islam.

Antara masalah yang paling rumit dan kabur yang dibincangkan oleh masyarakat Islam pada hari ini persoalan adakah benar wujud seni muzik di dalam Islam? Apakah muzik itu haram, halal, harus, makruh ataupun syubhah? Persoalan-persoalan sedemikian berlaku disebabkan terhadap segolongan umat Islam yang membicarakannya sering berada di antara

sikap berlebihan iaitu dengan mengharamkannya dan segolongan lain pula bermudah-mudah iaitu dengan menerima apa sahaja bentuk seni muzik.

Sehubungan dengan itu Tuan Guru Haji Abdul Rahman telah memberi pandangan dan pentafsiran berkenaan perkara-perkara tersebut, yang mana beliau mengharamkan nyanyian, kerana ianya dianggap sebagai hiburan yang melalaikan seseorang daripada mengingati kepada Allah. Oleh itu timbul persoalan adakah pandangan Tuan Guru disepakati oleh ulama'-ulama' atau pun berlaku khilaf .

PANDANGAN TUAN GURU

Menurut pandangan Tuan Guru semua jenis nyanyian dengan menggunakan alat-alat muzik adalah haram secara mutlak. Hujah beliau kerana nyanyian itu adalah hiburan dan permainan yang boleh menghalang seseorang daripada mengingati Allah, lebih-lebih lagi penyanyi wanita yang bernyanyi dengan menggunakan alat-alat muzik serta diiringi oleh penari-penari lelaki dan wanita.

Bagi Tuan Guru alat-alat muzik seperti serunai, gendang, biola dan sebagainya tidak sah dijual beli kerana tidak ada manfaat yang diharuskan oleh syariat Islam, kerana perkara yang bermanfaat dan ada nilai saja boleh dijualbeli. Pada pendapat Imam Nawawi jikalau alat muzik itu dipecah-pecahkan tetapi masih lagi ada nilainya maka sah dijualbeli (Al-Imam al-Nawawi (1985).

Masalah nyanyian telah banyak diperkatakan oleh ulama' dulu dan kini (Muhammad bin Salih bin 'Thaimin *et al.* (1999). Sebahagiannya mengatakan bahawa nyanyian dilarang dalam Islam, ada sebahagiannya lagi mengatakan harus. Persoalannya adakah larang itu membawa kepada haram dan makruh?, kalau ada pendapat yang mengatakan harus, setakat mana batasan-batasan keharusan itu.

Di sini akan dinyatakan hujah-hujah daripada Al-Quran dan Hadith yang diguna oleh Tuan Guru untuk menentukan kedudukan nyanyian dalam perspektif syariat Islam. Di samping itu akan dimuatkan juga hujah-hujah para ilmuwan Islam lain. Sama ada dalam menentukan larangan atau keharusan nyanyian

Dalil daripada Al-Quran:

1) Firman Allah Ta'ala:

﴿وَاسْتَفِرْزْ مَنِ اسْتَطَعْتَ مِنْهُمْ بِصَوْتِكَ وَأَجْلِبْ عَلَيْهِمْ بِخَيْلِكَ وَرَجْلِكَ وَشَارِكُهُمْ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأُولَادِ وَعِدْهُمْ وَمَا يَعِدُهُمُ الشَّيْطَانُ إِلَّا غُرُورًا﴾

Maksudnya: Dan desak serta pujuumlah sesiapa yang engkau dapat memujuknya dengan suaramu dan kerahlah penyokong-penyokongmu yang berkuda serta yang berjalan kaki untuk mengalahkan mereka dan turut campurlah dengan

mereka dalam menguruskan harta-benda dan anak-anak (mereka) dan janjikanlah mereka (dengan janji-janjimu), padahal tidak ada yang dijanjikan oleh Syaitan itu melainkan tipuan daya semata-mata.

Al-'Isra' (17):64

Berlaku khilaf di kalangan ahli tafsir ('Abi Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari. 1997) tentang lafaz "صَوْتٌ", sebahagiannya mentafsirkannya nyanyian (*al-Ghina'*) dan permainan (*al-la'ib*). Mujahid mentafsirkannya permainan (*al-la'ib*) dan hiburan (*al-lahwu*). Ada pendapat lain pula mentafsirkan "صَوْتٌ" dengan maksud "ajakan engkau terhadap dia (zuriat Adam) kepada mematuhi engkau dan derhaka kepada Allah." Ibnu Abbas mentafsirkan lafaz "Saut" ialah semua perkara yang mendorong seseorang untuk melakukan maksiat kepada Allah ('Abu Fida' al-Hafiz Ibnu Kasir Ismail al-Dimasyqi (1988).

Pandangan yang agak ke depan dari segi kesahihan dalam mentafsirkan "Istafziz" ialah "Allah berkata kepada Iblis: *desak serta pujuklah (zuriat Adam) sesiapa yang engkau dapat memujuknya dengan suaramu*" tanpa mengkhususkan mana-mana suara. Oleh itu suara yang boleh mendorong ke arah kepatuhan kepada Iblis dan kerja Iblis, maka ianya termasuk dalam erti suara ('Abi Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari (1997).

Sesungguhnya "Saut Iblis" itu boleh membawa manusia kepada kebatilan dan kesesatan, oleh itu orang yang berfikiran waras, mereka merasa yakin bahawa nyanyian dan hiburan adalah faktor utama dalam menyesatkan atau melalaikan manusia dari mengingati Allah, bukan setakat itu, ia juga boleh menyebabkan hati menjadi kotor dan payah untuk menerima ajaran Allah, lalu mereka leka di lembah maksiat serta bergelombang dengan dosa. Jelaslah dalam ayat tersebut menunjukkan haram menggunakan serunai (*mazamir*), nyanyian dan hiburan ('Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Ahmad al-'Ansari al-Qurtubi (1994).

2) Firman Allah Ta'ala:

﴿وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَشْرِي لَهُوَ الْحَدِيثُ لِيُضِلَّ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ بَعْيِرِ عِلْمٍ وَيَتَّخِذُهَا هُزُوًّا أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ﴾

Maksudnya: *Dan ada di antara manusia: orang yang memilih serta membelanjakan hartanya kepada cerita-cerita dan perkara-perkara hiburan yang melalaikan; yang berakibat menyesatkan (dirinya dan orang ramai) dari agama Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan; dan ada pula orang yang menjadikan agama Allah sebagai ejek-ejekan; merekalah orang-orang yang akan beroleh azab yang menghinakan.*

Luqman(31):6.

Berlaku khilaf di kalangan Ahli Tafsir 'Abu Muhammad Husin al-Baghawi (1993) tentang tafsir lafaz (الْحَدِيث), sebahagian daripada mereka seperti Ibnu 'Abbas, Jabir dan Qatadah, mereka mentafsirkannya dengan "nyanyian dan mendengarnya". Ibnu Mas'ud juga pernah

ditanya tentang ayat berikut, beliau menjawab sambil bersumpah: “Nyanyian, demi Allah yang mana tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benar melainkan Allah.” Diulanginya sebanyak tiga kali. Begitu juga ’Abu ’Abd Allah Muhammad bin ’Ahmad al-’Ansari al-Qurtubi (1994) mentafsirkannya dengan cerita yang melalaikan daripada perkara *ma’ruf* iaitu nyanyian. pendapat ini disokong oleh Dr. Wahbah al-Zuhaili (1998) dalam tafsirnya.

Diriwayatkan daripada Mujahid dengan lapan *sanad* hadith bahawa beliau berkata lafaz (لَهُ الْحَدِيثُ) itu maksudnya: “ nyanyian dan segala hiburan, (membayar) penyanyi lelaki dan wanita dengan harga yang tinggi untuk mendengar nyanyian ’Abu Fida’ al-Hafiz Ibnu Kasir Ismail al-Dimasyqi (1988). termasuk perkara yang sia-sia ialah nyanyian serta mendengarnya.” Begitu juga daripada ‘Akrimah dengan lima *sanad* Hadith semuanya dengan maksud “nyanyian” ’Abi Ja‘far Muhammad bin Jarir al-Tabari (1997). Berkata Hasan al-Basri: “nyanyian dan serunai”.

Ibnu Jarir telah mentarjihkan bahawa ayat itu umum untuk semua bentuk cerita yang boleh melalaikan manusia dari jalan Allah, sama ada ianya lahir dari orang kafir mahupun orang Islam, beliau berkata: sebenarnya pandangan yang betul dalam masalah itu begini; dititik beratkan segala perkara yang dilarang oleh Allah dan RasulNya daripada mendengarnya, yang mana boleh melalaikan manusia dari jalan Allah, kerana Allah menyebutnya secara umum (لَهُ الْحَدِيثُ bukan secara khusus, maka kekal dengan keumuman sehingga datang dalil yang mengkhususkannya ’Ahmad Bin Yahya al-Najmi (1984).

Diterangkan dalam ayat ini perihal orang-orang yang ingkar yang bukan sahaja tidak menghormati al-Quran dan tidak menerima ajarannya tetapi mereka mengutamakan perkara-perkara yang sia-sia dan hiburan-hiburan yang melalaikan serta boleh menyesatkan dirinya dan masyarakat.¹

3) Firman Allah Ta‘ala:

﴿أَفَمِنْ هَذَا الْحَدِيثِ تَعْجِبُونَ، وَتَضْحَكُونَ وَلَا تَبْكُونَ، وَأَنْتُمْ سَامِدُونَ﴾

Maksudnya: “Maka apakah kamu merasa hairan terhadap pemberitaan ini? Dan kamu mentertawakan dan tidak menangis? Sedang kamu melengahkan(nya)?

Surah al-Najm (53): 59-61.

¹ Sebagaimana kisah Nadar Bin al-Harith sekutu Quraisy, Dia membeli (لَهُ الْحَدِيثُ) dari kalangan hamba, di samping itu dia membuka kelab hiburan, bukan setakat itu bahkan dia berusaha menjemput orang ramai ke kelab itu, bertujuan untuk memalingkan masyarakat dari ajaran Islam, justeru itu mereka tidak akan bersama-sama dalam majlis Nabi s.a.w dan tidak pula membaca al-Quran. Tanpa disedari olehnya bahawa Allah mencerca terhadap usahanya itu dan disediakan baginya azab yang pedih. usahanya itu dicerca oleh Allah, lihat ’Aisar al-Tafasir, bagi ’Abu Bakar al-Jaza’ir, j.3, h.506.

Berkata ‘Ikrimah riwayat daripada Ibnu ‘Abbas r.a. bahawa “*al-Sumud* ” ialah “nyanyian” dalam Bahasa Himsyariyyah Abi Ja‘far Muhammad bin Jarir al-Tabari (1997), kata mereka “*Ismidi lana ya fulanah*” maksudnya “*ghanni lana*”. Beliau juga mentafsirkan ayat ini: Apabila mereka mendengar al-Quran lalu mereka menyanyi, tujuannya untuk menghalang manusia daripada mendengar al-Quran. Begitu juga pendapat Qatadah, al-Dahhak dan Sufiyan al-Thauri dalam Bahasa Yamaniyyah ’Abu al-Fida’ al-Hafiz Ibn Kathir (1988).

4) Firman Allah Ta‘ala:

﴿وَذِرُّ الظِّنَنَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهُوَا وَغَرَّهُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكْرُهُ بِهِ أَنْ تُبْسَلَ نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ...﴾

Maksudnya: *Dan jauhkanlah diri dari orang-orang yang menjadikan agama mereka sebagai permainan dan hiburan, dan mereka pula telah diperdayakan oleh kehidupan dunia; dan peringatkanlah (mereka) dengan Al-Quran itu supaya tiap-tiap diri (di akhirat kelak) tidak terjerumus (ke dalam azab neraka) dengan sebab apa yang ia usahakan (dari perbuatan yang buruk dan keji)*

Al-’An‘am (6):75.

Kata Tuan Guru di dalam ayat ini Allah menjelaskan bahawa “permainan” dan “hiburan” ialah dua nama yang umum, ianya merangkumi semua jenis permainan dan hiburan, jadi apabila seseorang insan mendengar nyanyian yang haram serta merasa seronok hatinya daripada mematuhi Allah. maka sesungguhnya ia termasuk dalam golongan yang dijelaskan dalam ayat tersebut.

5) Firman Allah Ta‘ala:

﴿وَمَا كَانَ صَالِثُهُمْ عِنْدَ الْبَيْتِ إِلَّا مُكَاءً وَتَصْدِيقَةً فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ﴾

Maksudnya: *Dan tiadalah sembahyang mereka di sisi Baitullah itu melainkan bersiul-siul dan bertepuk tangan. Oleh itu rasalah kamu (wahai orang kafir) akan azab seksa dengan sebab kekufuran kamu.*

Al-’Anfal (8): 35

Beliau berpendapat di dalam ayat tersebut Allah mencerca puak Quraisy kerana sikap mereka suka bersiul-siul dan bertepuk-tepuk tangan. Allah tidak mencerca seseorang itu kecuali ia melakukan suatu perkara yang sia-sia, seandainya perkara itu benar dan halal nescaya Allah tidak mencercanya, disebabkan mereka mendapat cercaan daripada Allah maka jelaslah menunjuk kepada haram dan sia-sia. Dalam kaedah *Syar‘iyyah* bahawa mana-mana perkara yang diiringi dengan janji seksa atau laknat dan murka iaitu menempati cerca kepada pelakunya maka hukumnya adalah haram, dikira sebagai dosa besar.

Dalil-dalil daripada Hadith

1) Hadith daripada Abu ‘Amir al-’Asy‘ari

عَنْ أَبِي عَامِرِ الْأَشْعَرِيِّ: سَمِعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : « لَيَكُونَنَّ مِنْ أُمَّتِي أَقْوَامٌ يَسْتَحْلِلُونَ الْجِرَّ وَالْحَرِيرَ وَالْحَمْرَ وَالْمَعَازِفَ وَلَيَنْزَلُنَّ أَقْوَامٌ إِلَى جَنْبِ عَلَمٍ يَرُوحُ عَلَيْهِمْ بِسَارِحَةٍ لَهُمْ يَأْتِيهِمْ يَعْنِي الْفَقِيرَ لِحَاجَةٍ فَيَقُولُونَ ارْجِعُ إِلَيْنَا عَدَّا فَيَسْتَعْثِمُهُمُ اللَّهُ وَيَضْعُعُ الْعِلْمَ وَيَمْسَخُ آخَرِينَ قَرَدَةً وَخَنَّازِيرَ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ » .

Maksudnya: Dia mendengar Nabi s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya akan ada dari kalangan umatku beberapa kaum yang menghalalkan zina, sutera, arak dan alat-alat muzik, dan sesungguhnya akan ada (juga) beberapa kaum duduk (tinggal) di lereng bukit tinggi, (apabila senja) pulanglah gembala kambing yang fakir melintasi tempat-tempat ternakan mereka, lalu dia pergi bertemu mereka itu (pemiliknya) untuk meminta sesuatu hajat(bantuan), maka berkata mereka: “Datanglah ke tempat kami esok”, lalu Allah memusnahkan mereka pada malam itu serta (meruntuhkan bukit) lalu menimpa mereka dan Allah (juga) menukar yang lain-lain lagi menjadi kera dan babi sehingga Hari kiamat”.

(al-Bukhari:5590, al- al-Syaukani:559)

Dalam hadith tersebut Rasulullah s.a.w. menceritakan tentang sesuatu kaum yang menghalalkan zina, sutera, arak dan alat-alat muzik, oleh itu maka jelaslah hukum haramnya perkara-perkara tersebut, termasuklah juga *al-Ma’azif* sebab ia sebahagian daripadanya. *al-Ma’azif* ialah semua jenis alat-alat muzik atau hiburan seperti gendang, seruling, serunai, biola, gitar, gambus dan lain-lain lagi.

Maksud lafaz “يَسْتَحْلِلُونَ” dalam hadith menunjukkan tidak ada bezanya di antara mereka yang melakukan perkara-perkara itu dengan berleluasa seolah-olah mereka menghalalkannya tanpa merasa berdosa terhadap perilaku mereka ataupun mereka sudah menganggapnya halal.

Bentuk penghujahan dalam hadith yang menunjukkan kepada pengharaman nyanyian ialah lafaz “يَسْتَحْلِلُونَ”, kerana kalau perkara itu tidak haram, nescaya Rasulullah tidak menggunakan lafaz tersebut, oleh sebab itu maka tidak ada kekeliruan lagi dalam masalah hukum nyanyian.

Perkara-perkara tersebut disusuli dengan ancaman dari Allah terhadap pelakunya, seperti perubahan bentuk fizikal daripada manusia bertukar menjadi binatang yang hina serta diiringi pula dengan janji seksa, sedangkan Allah tidak akan menyeksa kecuali orang-orang yang melakukan perkara-perkara yang melakukan maksiat kepadaNya

Dalil yang menunjukkan haram nyanyian dalam hadis ini adalah *dilalah qat'iyyah*, seandainya tidak ada lagi hadith-hadith lain maka sudah memadainya sebagai hujah haramnya nyanyian. Lebih-lebih lagi nyanyian di zaman sekarang yang mana seni katanya boleh melalaikan manusia daripada mengingati Allah begitu juga jenis alat-alat muzik yang digunakan seperti gendang, seruling, serunai, biola, gitar, gambus dan lain-lain lagi.

2) Hadith Abu Malik al-'Asy'ari lagi

قالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ « لَيَشْرَبَنَّ نَاسٌ مِنْ أُمَّتِي الْخَمْرَ يُسَمُّونَهَا بِعَيْرِ اسْمَهَا يُعْزِفُ عَلَى رُعُوسِهِمْ بِالْمَعَازِفِ وَالْمُغَنَّيَاتِ يَخْسِفُ اللَّهُ بِهِمُ الْأَرْضَ وَيَجْعَلُ مِنْهُمُ الْقِرَادَةَ وَالْحَتَّازِيرَ »

Maksudnya: "Sesungguhnya akan ada di kalangan umatku mereka yang minum arak di mana mereka memanggilnya dengan nama lain, tergantung dari atas kepala mereka irama muzik, lalu Allah menenggelamkan mereka ke dalam bumi serta menjadikan sebahagian mereka kera dan babi."

al-Qazwini: Hadith 4020

Dalam hadith ini dijelaskan pula suasana mereka yang mabuk disebabkan minuman keras sambil bernyanyi-nyanyi dengan irangi oleh irama muzik lalu Allah menenggelamkan mereka ke dalam bumi serta menjadikan sebahagian mereka kera dan babi.

3) Hadith Ibnu 'Umar

عَنْ أَبِي عُمَرْ قَالَ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: « إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ حَرَمَ الْخَمْرَ وَالْمَيْسِرَ وَالْكُوْبَةَ وَالْعُبَيْرَاءَ وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ »

Maksudnya:

Bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "sesungguhnya Alla telah mengharamkan arak, judi, gendang kecil, alat hiburan (gambus dan biola) dan setiap yang memabukkan adalah haram."

(Abu Daud al-'Azdi al-Sijistani: 3685)

Difahamkan daripada hadith ini bahawa pengharaman nyanyian disebabkan nyanyian itu adalah hiburan dan haram, kalau tidak haram kenapa Allah mengharamkan alat-alatnya? Maka jelaslah haramnya. Bukan setakat nyanyian dan alat-alat hiburan bahkan penyanyi dan urusan yang berkaitan dengannya pun tidak dibenarkan, sebagaimana yang dijelaskan dalam hadith berikut:

1) Hadith riwayat Abi Umamah

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «لَا يَحِلُّ ثَمَنُ الْمُغَنِّيَةِ وَلَا يَعْهُدُهَا وَلَا شِرَاؤُهَا، وَلَا إِسْتِمَاعُ إِلَيْهَا».

Maksudnya:

Tidak halal harga penyanyi perempuan (dari kalangan hamba), tidak juga menjual belinya dan tidak boleh mendengar suaranya.

(Musnad al-Humaidi, no.hadith 405)

Apa yang difahamkan dalam hadith ini bukan setakat larangan daripada mendengar nyanyian, bahkan tidak boleh mengambil manfaat seperti upah dan sebagainya.

Nyanyian yang di Haruskan serta dalil daripada Hadis

Secara umumnya yang dapat difahami bahawa dalam agama Islam bahawa Nabi tidak menyuruh orang yang soleh, ahli-ahli ibadat dan orang zahid supaya berkumpul untuk mendengar rangkap-rangkap sya'ir yang seiringan dengan tepukan dan paluan kompang yang melalaikan. Akan tetapi Rasullah memberi *rukhsah* (kelonggaran) beberapa jenis permainan ketika majlis kahwin, sebagaimana beliau memberi kelonggaran bagi wanita memukul *duf* di majlis perkahwinan.

1) Hadithnya

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: دَخَلَ عَلَيَّ أَبُو بَكْرٌ وَعِنْدِي جَارِيَاتٍ مِنْ جَوَارِي الْأَنْصَارِ تُغَيِّبَانِ بِمَا تَقَاوَلْتُ بِهِ الْأَنْصَارُ يَوْمَ بُعَاثَ، قَالَتْ: وَلَيْسَنَا بِمُغَنِّيَّنِ، فَقَالَ أَبُو بَكْرٌ: أَبْمَزْ مُورِ الشَّيْطَانِ فِي بَيْتِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَذَلِكَ فِي يَوْمِ عِيدٍ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «يَا أَبَا بَكْرٍ إِنَّ لِكُلِّ قَوْمٍ عِيدًا وَهَذَا عِيدُنَا»

Maksudnya:

Aku telah diziarahi oleh Abu Bakar r.a di rumahku. Ketika itu di sampingku ada dua orang jariah iaitu gadis dari golongan 'Ansar sedang mendengarkan syair golongan 'Ansar pada hari Bu'ath (hari tercetusnya perperangan antara golongan Aus dan Khazraj) 'Aisyah berkata: sebenarnya mereka berdua bukanlah penyanyi. Abu Bakar r.a berkata: Patutkah ada nyanyian syaitan di rumah Rasulullah s.a.w. dan pada Hari Raya pula? Lalu Rasulullah s.a.w.

bersabda: Wahai Abu Bakar! Sesungguhnya setiap kaum itu mempunyai Hari Raya dan ini adalah hari raya kami.

Muslim:892, Ibn Hibban: 5847 dan al-Qazwini:1898.

Hadith di atas menjelaskan bahawa berkumpul pada hari itu bukan adat Rasulullah s.a.w dan para sahabatnya, oleh sebab itu Abu Bakar al-Siddiq mengatakan itu nyanyian syaitan. Beliau membiarkan hamba-hamba wanita menyanyi kerana hari itu adalah hari raya, kanak-kanak diberi *rukhsah* bermain pada mana-mana hari raya, kerana untuk memberi tahu kepada orang-orang Yahudi bahawa agama Islam ada keluasan dan tidak terkongkong.

2) Sabdanya lagi:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: جَاءَ حَبَشُّ يَرْفُونَ فِي يَوْمٍ عِيدٍ فِي الْمَسْجِدِ فَدَعَانِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَوَضَعْتُ رَأْسِي عَلَى مَنْكِبِهِ فَجَعَلْتُ أَنْظُرُ إِلَى لَعِبِهِمْ حَتَّى كُنْتُ أَنَا الَّتِي أَنْصَرَفُ عَنِ النَّظَرِ إِلَيْهِمْ

Maksudnya:

‘Aisyah r.a. berkata: Telah datang orang Habsyi, mereka menari di Masjid pada Hari Raya, lalu Nabi s.a.w memanggilku, aku meletakkan kepalaku di atas bahuNya, aku pun mula menonton permainan mereka sehingga aku sendiri yang ingin berhenti dari menonton mereka.

Muslim: 892

3) Sabda Rasulullah s.a.w:

إِنَّ عَائِشَةَ قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «يَوْمَئِذٍ لِتَعْلَمَ يَهُودُ أَنَّ فِي دِينِنَا فُسْحَةً إِنَّمَا أُرْسِلْتُ بِحَنِيفِيَّةٍ سَمْحَةً»

Maksudnya:

Sesungguhnya Saidatina Aisyah berkata : berkata Rasulullah s.a.w pada hari itu (Hari Raya) untuk memberitahu kepada orang-orang Yahudi bahawa dalam agama kita (pun) ada kelonggaran, sesungguhnya aku diutus dengan agama yang pengampun.

[’]Ahmad bin Hanbal (1996) op.cit., no. Hadith 24855

Pengertian daripada Hadith *Jariyatain* menunjukkan bahawa Nabi tidak sengaja mendengar nyanyian itu, hanya semata-mata dengar sahaja, sebenarnya 'amar atau *nahy* dalam masalah nyanyian itu tertakluk kepada tujuan ingin mendengar bukan semata-mata dengar tanpa niat. Adapun yang terjadi bukan dengan keinginan seseorang maka ianya tidak ambil kira dalam arahan 'amar atau *nahy* Muhammad bin Muhammad al-Manji al-Hanbali(1993).

4) Hadith daripada Nafi'

عَنْ نَافِعٍ مُولَى ابْنِ عُمَرَ: سَمِعَ ابْنُ عُمَرَ صَوْتَ زَمَّارَةَ رَاعِيْ، فَوَضَعَ أَصْبَعَيْهِ فِي أُذُنَيْهِ، وَعَدَلَ رَأْحِلَةَ عَنِ الظَّرِيقِ، وَهُوَ يَقُولُ : يَا نَافِعُ، أَتَسْمَعُ ؟ فَأَقُولُ : نَعَمْ ، قَالَ: فَيَمْضِي، حَتَّى قُلْتُ : لَا ، قَالَ: فَرَفَعَ يَدَيْهِ وَأَعَادَ الرَّاحِلَةَ إِلَى الظَّرِيقِ، وَقَالَ : رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - وَسَمِعَ زَمَّارَةَ رَاعِيْ فَصَنَعَ مِثْلَ هَذَا.

Maksudnya: Ibnu Umar terdengar suara seruling seorang penggembala, lalu beliau memasukkan jari di dalam telinga, lantas memalingkan kenderaannya dari jalan tersebut sambil bertanya: wahai Nafi', adakah awak terdengar lagi suara itu, aku menjawab: ya, beliau berkata: teruskan (perjalanan), sehingga aku berkata: tidak, lalu beliau membuang jari (dari telinga) dan memalingkan kenderaannya ke jalan. Ia pun berkata: aku melihat Rasulullah s.a.w melakukan seumpama ini, ketika beliau terdengar seruling penggembala

(Ahmad bin Hanbal:4965 dan al-Qazwini:1901).

Sebahagian berpendapat mengatakan hadith ini adalah sahih, yang mana Ibnu Umar tidak disuruh supaya menyumbat kedua telinga, ada yang mengatakan masa itu dia masih kecil, atau dia hanya terdengar tetapi bukan mendengarnya, Muhammad bin Muhammad al-Manji al-Hanbali (1993) ini tidak berdosa. Sebenarnya apa yang buat oleh Nabi itu adalah untuk mencari kelebihan dan kesempurnaan. Sebagaimana berlaku suatu ketika Nabi melewati satu kaum yang sedang berbual-bual dengan percakapan yang haram, lalu beliau menutup dua telinganya supaya tidak mendengarnya, kelakuan begini lebih baik, seandainya beliau tidak berbuat demikian maka tidak berdosa, melainkan pada mendengar itu memberi kemudarat kepada agama, yang mana tidak dapat dihalang kecuali dengan menutup kedua-dua telinga maka ketika itu wajiblah menutupnya.

Nyanyian di tempat-tempat kerja, waktu musafir dan malis perayaan

Nyanyian di tempat yang diharuskan Syara' dengan niat untuk mendapat faedah dari segi agama adalah diharuskan, oleh itu hukum menjual peralatannya juga adalah harus, contohnya nyanyian ibu kepada anak-anak untuk menenangkan mereka, nyanyian pekerja-pekerja dan majikan semasa kerja untuk meringankan beban dan kepenatan kerja, supaya timbul perasaan saling bantu-membantu antara satu sama lain. Sayyid Sabiq (1987)

Begin juga nyanyian-nyanyian di majlis kenduri kahwin untuk mengisyiharkan perkahwinan, nyanyian sempena Hari Raya untuk melahirkan rasa gembira, nyanyian untuk menguatkan semangat jihad dan sebagainya' Ibnu Qudamah (1992). Rasulullah pernah menyuruh wanita-wanita 'Ansar bernyanyi dalam satu majlis perkahwinan dengan seni katanya Muhammad 'Abd al-Qadir (1987)

أَتَيْنَاكُمْ أَتَيْنَاكُمْ فَحِيَانًا وَحِيَاكُمْ

Nyanyian yang mana seni kata lagunya bagus maka baguslah nyanyian itu, seperti penyair-penyair Arab yang memuji alam semesta, nabi dan sebagainya dalam rangkap syair mereka, kalau seni katanya tidak elok maka tidak eloklah nyanyian itu, di sebaliknya kalau tujuannya membawa ke arah gelora syahwat atau kefasikan, menggalakkan kejahatan atau melalaikan daripada mengerjakan kewajipan hari-hari maka hukumnya tidak harus. Syyid Sabiq (1987)

PANDANGAN ULAMA'

Hukum nyanyian di dalam Mazhab-mazhab yang empat adalah haram Dr. Wahbah al-Zuhaily (1998) jika senikatanya tidak baik, lucah, biadab dan mendorongkan kepada maksiat. Pandangan-pandangan mereka seperti berikut:

Mazhab Imam Syafi'i

Berkata Imam Syafi'i sesiapa yang banyak berhibur dianggap orang itu bodoh dan ditolak penyaksianya. Muhammad bin Idris al-Syafi'e (2001) *al-'Umm* Bagi beliau hiburan adalah haram melainkan apa yang dikhususkan oleh Syara' seperti melontar, berenang, menunggang kuda dan sebagainya. katanya' Abu Hamid Muhammad b. Muhammad al-Ghazali (1983): "الغناء هو مكره يشبه الباطل" maksudnya: "*nyanyian itu adalah hiburan yang dibenci, diserupakan dengan perkara sia-sia*". Adapun mendengar nasyid-nasyid tidak mengapa sama ada sedikit atau banyak. Muhammad bin Idris al-Syafi'e (2001)

Mazhab Imam Ahmad

Imam Ahmad memutuskan supaya jangan menjual *jariah* sebab dia seorang penyanyi, kerana bayarannya ketika itu adalah haram. Ibnu Qudamah Maka jelaslah menunjukkan bahawa beliau mengharamkan nyanyian, sama sekali beliau tidak mengharuskannya. 'Abu Hasan 'Ali bin Sulaiman bin 'Ahmad al-Mardawi (1998) Pada suatu ketika beliau pernah ditanya oleh anaknya tentang nyanyian, beliau menjawab 'Ibnu Qudamah (1992): "الغناء تبت النفاق في القلب" maksudnya: *nyanyian itu melahirkan sifat nifak di dalam hati*. Makruh mendengar nyanyian tanpa alat muzik dan haram sekira menggunakan alat muzik. 'Abu Hasan 'Ali bin Sulaiman bin 'Ahmad al-Mardawi (1998)

Mazhab Imam Malik

Imam Malik melarang daripada bernyanyi dan mendengarnya, makruh sekiranya tanpa alat muzik, kalau menggunakan alat muzik adalah haram, Syamsuddin al-Syaikh Muhammad al-

Dasuqi (1998) beliau pernah ditanya oleh Ibnu Qasim tentang nyanyian, lalu beliau menjawab dengan firman Allah:

﴿فَمَاذَا بَعْدَ الْحَقِّ إِلَّا الضَّلَالُ﴾

Maksudnya: *Maka tidakkah yang lain daripada itu salah dan karut sahaja?*

Surah Yunus (10):32.

Sambil itu beliau bertanya: adakah nyanyian itu sebenar? Sudah pasti ianya tidak benar, 'Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Ahmad al-'Ansari al-Qurtubi (1994) Beliau pun berkata: "الغناء إنما يفعله الفساق عندهنا" Maksudnya: "Nyanyian itu dilakukan oleh orang-orang fasiq di kalangan kami". Dalam masalah jual beli *jariah* (hamba perempuan), Imam Malik berpendapat sekiranya *jariah* itu seorang penyanyi, maka dikira '*aib*' (cacat) pada barang jualan, maka bagi pihak pembeli berhak memulangkannya kepada penjual pada ketika itu.

Mazhab Abu Hanifah

Bagi Imam Abu Hanifah pula hukumnya lebih tegas , beliau berpendapat bahawa nyanyian adalah dosa yang wajib ditinggal dan dijauhi, mesti segera bertaubat sebagaimana dosa-dosa dan maksiat lain. Kamaluddin Muhammad bin 'Abdul Wahid Al-Siwasi Ibnu Himam al-Hanafi (2003) Begitu juga pendapat *Ashabnya*, mereka menjelaskan bahawa nyanyian dan semua jenis alat hiburan adalah haram seperti serunai, biola dan sebagainya. 'Alauddin 'Abi Bakar bin Su'ud al-Kasa'I al-Hanafi(2000). Mereka menganggap nyanyian yang mengguna alat Muzik adalah maksiat, pelakunya membawa kepada fasiq dan ditolak penyaksianya. Muhammad bin Yazid al-Qazwini (1999) Mereka mengharamkan nyanyian, mereka mengatakan: "السماع فسوق والتلذذ به كفر" maksudnya: "*mendengar nyanyian adalah fasiq, berseronok-seronok dengannya adalah kufur*

KESIMPULAN

Persoalannya sekarang, seni muzik itu tidak haram pada zatnya tetapi haramnya disebabkan oleh faktor-faktor lain yang ada bersama-sama dengannya. Oleh itu, sesuatu perlaksanaan yang berkait dengan seni muzik seperti masa persembahan, cara penyampaian, suasana tempat persembahan harus diambil kira. Islam tidak menghalang sesuatu seni muzik sama ada tradisional atau moden selagi mana tidak percanggahan dengan Syariat Islam.

Jika diperhatikan kepada seni muzik hari ini, sudah pasti banyak perkara yang perlu diubah dan diperbaiki. Untuk mencapai tujuan ini, kita tidak semestinya mencipta atau mewujudkan seni muzik baru. Akan tetapi kita seharusnya mengislamisasikan seni muzik yang dikatakan bercanggah dengan Syariat Islam agar selaras dengan tuntutan Syara'. Dengan kata lain, kita hendaklah menyediakan satu mekanisme baru dengan perancangan yang teliti agar ianya dapat mendatangkan kesan positif kepada manusia.

Sikap toleransi dan keterbukaan Rasulullah terserlah setelah membenarkan dua orang gadis dari golongan Ansar menyanyi walaupun mendapat sedikit teguran daripada Abu Bakar r.a pada peringkat awalnya. Ini menjadi bukti bahawa Islam mengiktiraf seni muzik kaum lain selagi ia tidak bercanggah dengan Syariat Islam. Pengiktirafan tersebut, secara tidak langsung menunjukkan bagaimana Rasulullah s.a.w. mengislamisasikan seni muzik kaum Ansar.

Apa yang dapat difahamkan bahawa Tuan Guru mengatakan nyanyian adalah haram. Pengharaman nyanyian adalah atas sebab-sebab seni kata lagu yang melalaikan, muzik dan tujuan untuk berhibur semata-mata, itu pun sekiranya dinyanyi oleh kaum lelaki. Pendapat ini disepakati oleh jumhur fuqaha. Maka kesimpulan yang dapat diambil bahawa nyanyian adalah haram sekira bercanggah dengan syariat Islam, dari segi seni kata, muzik dan tujuan, sebaliknya diharuskan sekiranya menepati tuntutan syariat Islam.

RUJUKAN

AL-QURAN DAN KITAB-KITAB TAFSIR

‘Abdullah Basmeih (2000), *Tafsir Pimpinan Rahman Kepada Pengertian al-Qur’ān*. Malaysia: Dar al-Kitab.

’Alusi ,al; al-Baghdadi (1985) *Ruh al-Ma ‘ānī fi Tafsir al- Qur’ān al- ’Azīm* , C.4. Beirut: Dar ’Ihya’ al-Turath al-’Arabi.

Baghawi , al; ’Abu Muhammad Husin (1993) *Tafsir al-Baghāwi Ma ‘ālim al-Tanzil* , C.2. Riayad: Dar al-Tayyib.

Fakhru al-Din al-Razi (1994) *al- Tafsir al-Kabīr* , C.1. Beirut: Dar al-Kitab al-’Ilmiyyah.

Ibnu ‘Arabi ’Abu Bakar Muhammad (t.t) *’Ahkam al-Quran*,. Beirut: Dar al-Ma‘ripah.

Ibnu Kathir ’Abu Fida’ Ismail (1988) *Tafsir al-Quran al- ’azim*, Beirut: Dar al-Fikr.

Qurtubi , al : ‘Abdullah Muhammad (1994), *al-Jami’ li Ahkam al-Quran* , C. 1. Kaherah: Dar al-Hadith.

Syanqiti, al: Muhammad (1992), *’Adwa’ al-Bayan fi ’idah al-Qur’ān bi al-Qur’ān* , Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah.

Sayuti ,al ‘Abdul Rahman Jalluddin (1983) *al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir al-Ma’thur* , Beirut : Dar al-Fikr.

Sabuni, al , Muhammad ‘Ali (1977) *Tafsir Ayat ’Ahkam* , Damsyiq: Maktabah Ghazali.

Said Hawa (1993) *al-Asas fi al-Tafsir* , T.T.P : Dar al-Salam.

Syaukani, al; ‘Ali (1981) *Fathu al-Qadir* , T.T.P: Dar al-Fikr.

Wahbah al-Zuhaili (1998) *al-Tafsir al-Munir fi al- ’aqidah Wa al-Syari‘ah Wa Manhaj*, C. 2. Dimasyq : Dar al-Fikr.

BUKU-BUKU HADITH

’Ahmad bin Hambal (1996) , *al-Musnad Imam ’Ahmad*, C. 1. Beirut: Muassasah al-Risalah.

’Abu Daud al-Imam al-Hafiz Sulaiman ibnu al-Asy‘ath al-Sijistani al-Azdi (1950) *Sunan ’Abi Daud*, Mesir: Matba‘ah al-Sa‘adah..

Bukhari al; ’Abu ‘Abdullah Muhammad (1981) *Sahih al-Bukhari*. Bairut: Dar al-Fikr.

Baihaqi al; al-Imam ’Abi Bakar ’Ahmad bin Husin (1994) *al-Sunan al-Kubra* . Beirut: Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah

(2001) *Ma'rifah al-Sunan wal Āthār lil Baihaqi*, j. 4, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

'Ibnu Hajar al-'Asqalani(t.t) *Fath al-Bari*, Beirut : Dar al-Ma'rifah

Muslim al; bin al-Hajjaj (1992) *Shahih Muslim*, Beirut: Dar al-Fkir.

Muhammad bin 'Abdullah al-Khatib (1991) , *Misykah al-Masabih* , Dimasyq : Dar al-Fikr.

Muhammad bin Muhammad (t.t) *Nailu al- 'Autar* , Bairut: Dar al-Ihya ' al-Thurath al-Arabi.

Malik bin 'Anas (1985) *al-Muwatta* , Beirut: Dar Ihya ' al-Thurath al-Arabia.

Muhammad bin Ismail al-San'ani (1987) *Subul al-Salam*.Jld.3, Bairut: Dar al-Kutub al-Arabi, h..418.

Nasa'i, al; 'Abu 'Abdul Rahman 'Ahmad (1986) *Sunan al- Nasa'i*, Beirut: Dar al-Basya'ir.

Syabir 'Ahmad al-Othmany (t.t.) *Fathu al-Mulhim Syarah Shahih Muslim*, Karachi: Maktabah Rashid.

Tirmidhi al; 'Abi Isa Muhammad (1983) *Sunan al-Tarmidhi*. Bairut: Dar al-Fikr.

BUKU-BUKU FIQH

'Ala'uddin 'Abi al-Hasan 'Ali bin Sulaiman bin 'Ahmad al-Mardawi (1998) *al- 'Insaf Fi Ma'rifah al-Rajih min al-Khilaf*, Mamlakah al-Arabiyyah al-Sa'udiyyah.

'Abu 'Abdullah Muhammad bin Nasir (2000) *Ikhtilaf al-Fuqaha* , Riyad: Maktabah 'adwa' al-Salaf, h.421.

'Ahmad bin 'Abdul Razak al-Duwais (2004) *Fatwa al-Lujnah al-dāim lil Buhuth al-Ilmiyyah wa-Ifṭā'*.

Ibnu Hajar al-haitami (2001) *Tuhfah al-Muhtaj* , Beirut: Dar al-kutub al-Ilmiyyah.

Ibnu Rushdi 'Abu Walid Muhammad (t.t) *Bidayah Mujtahid wa Nihayah al- Muqtasid*, Lahore: Paran Akademi.

Ibnu Qudamah 'Abu Muhammad Abdullah (1992) *al-Mughni*, Kahirah: Hajar Lil Tiba'ah wa Nasyr.

Ibnu Taimiyah (t.t) *Majmu' Fatawa* , Makkah al-Mukarramah

Ibnu 'Abidin (2000) *Hasyiyah Radd al-Muhtar 'ala Durr al-Mukhtar*, Bairut: Dar al-Fikr, h.400.

Mustafa al-Khan et.al (1989) *al-Fiqh al-Manhj* , Dimasyq : Dar al-Ulum al Insaniyyah

Muhammad bin Ali bin Muhammad al-Syaukani (t.t) *Nailu al-autār*. J. 6 al-Kaherah:Maktabah Dar al-Turath.

Mawardi, al; Abi al-Hasan Ali (1994) *al-Hawi al-Kabir*, Makkah al-Mukarramah: Maktabah Dar al-Baz .

Nawawi, al; 'Abu Zakaria Mahyuddin(t.t), *Kitab al-Majmu' Syarah al-Muhadhdhab li-al Syirazi*, al-Maktabah al-Alamyiah.

(1985) *Raudah al-Talibin Wa 'Umdah al-Muftin*, j. 3. C. 2. Beirut: al-Maktabah al-Islami.

Ramli,al; 'Ahmad (t.t) *Nihayah Muhtaj Syrah al-Minhaj*, Beirut: Dar Ihya ' Thurath al-Arabia.

Syarbini al; al-Khatib Syamsuddin Muhammad bin 'Ahmad (1990), *Mughni al-Muhtaj* , Beirut: Dar al-Fikr

_____ (1996) *al-'Iqna' Fi Halli 'Alfaz Abi Syuja'* , Dimasyq: Dar al-Khair. Syihabuddin
'Ahmad bin 'Ahmad al-Qaliyubi (1956) *Hasyiyatani Qaliubi wa Umairah*, Mesir: Maktabah Mustafa.

Syirazi , al Abu Ishak Ibrahim (1996) *Tanbih fi Furu' al-Fikh al-Syafie*, Beirut: Dar al-Fikr.

Soleh bin Fauzan (1412) *al-Farq bain al-bai' wa al-Riba fi al-Syari 'ah al-Islamiah*. Riayad. T.T.T.

_____ (1988) *Fatwa-fatwa Kentemporari*, As'ad Yasin (terj.), Jakarta: Gema Insan.

Yusuf Hj. al-Alim (t.t) *al-Maqasid al-Ammah lil Syari 'ah al-Islamiah*. Kaherah:Dar al-Hadith.

Wahbah al-Zuhaili (1989) *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* . Damsyiq : Dar al-Fikr . Intermasa.

BUKU-BUKU USUL FIQH

Amidi , al; Ali bin Muhammad (1987) *al-Ahkām fi Usul al- Ahkām*, Beirut: Dar al-Kutub al-Arabi.

Ibnu Qayyim.al-Jauzi (1991) *a'lām al-Muwaqqi'in*. j.3, Bairut: al- Dar al-Kutub al-Ilmiah, h.147

Syātibi , al; Abi Ishaq (1991) *al-Muwāfaqāt fi Usul al-Syari 'ah* , Bairut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.

Wahbah Zuhaili (1998) *Usul al-Fiqh al-Islami* . Beirut: Dar al-Fikr.

